

04/08/1999

Lawatan suntik semangat pemimpin BN

IPOH, Selasa - Lawatan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ke Perak menyuntik semangat baru di kalangan pemimpin Barisan Nasional (BN) untuk mengeratkan lagi perpaduan serta menyediakan tapak kukuh menghadapi pilihan raya umum.

Walaupun Perdana Menteri hanya membuat lawatan singkat, pemimpin komponen BN negeri menyifatkan tokoh negara itu berjaya menggunakan sepenuhnya kesempatan itu untuk memberi semangat kepada pemimpin dan rakyat bagi terus menyokong kerajaan.

Menteri Besar, Tan Sri Ramli Ngah Talib, berkata lawatan Dr Mahathir kali ini amat bermakna kerana berjaya menguatkan lagi identiti kekeluargaan dalam Umno dan BN.

"Banyak nasihat diberi dan lawatan beliau (Dr Mahathir) menguatkan lagi perpaduan serta menguatkan lagi identiti kita sebagai keluarga Umno dan BN.

"Lawatan itu juga berjaya meningkatkan semangat untuk BN negeri menghadapi pilihan raya umum," katanya selepas mengiringi Dr Mahathir dan isteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali pulang ke Kuala Lumpur di Lapangan Terbang Sultan Azlan Shah di sini, hari ini.

Ramli yang juga Pengerusi BN negeri dan Pengerusi Badan Perhubungan Umno negeri berkata, saranan Dr Mahathir supaya semua pemimpin BN menemui ahli serta penyokong untuk mendapatkan maklum balas akar umbi.

Serentak itu, katanya, pihaknya akan mengadakan mesyuarat perhubungan bagi melaksanakan saranan itu dan menghantar laporan kepada Perdana Menteri secepat mungkin.

(END)